



CORAK penulisan kreatif lebih digemari pembaca masa kini.  
- Gambar hiasan.

# Kampung buku berimej baru

Kosmo m/s 9 11/4/07

PEMILIHAN buku murah dan mudah didapati menyebabkan industri buku di Malaysia terumbang-ambing walaupun saban tahun terdapat banyak syarikat penerbitan wujud.

Ekoran faktor itu, fenomena lambakan buku terpakai mula menular dan memberi impak kepada industri buku.

Persaingan antara buku baru dan terpakai ini juga menyebabkan industri buku yang seharusnya berkembang aktif menjadi agak perlahan.

Kenyataan ini dipersetujui oleh Pengarah Perkampungan Buku Malaysia, Mohammed Syairoz Mohd. Osman (**gambar**) ketika ditemui di Gombak.

"Di mana-mana sahaja isu lambakan buku ini berlaku dan ia perlu ditangani dengan cara terbaik bagi memastikan ilmu yang terkandung di dalamnya tidak hilang begitu saja," ujarinya.

Justeru, pendekatan kerajaan dengan menubuhkan Perkampungan Buku adalah cara paling

berkesan dalam membangkitkan semula semangat di kalangan pembaca.

"Ini juga secara langsung membantu para penerbit mengeluarkan buku-buku baru tanpa rasa bimbang ketiadaan pembeli," katanya yakin.

Menurut Mohammed Syairoz, Perkampungan Buku terbaru yang bakal dilancarkan di Melaka akan menggunakan konsep menggabungkan penerbit dan pem-

baca secara langsung.

"Dengan adanya perkampungan sebegini, buku-buku terpakai dan baru akan dikumpulkan di bawah satu bumbung,"

"Penerbit boleh mengetahui corak buku digemari pembaca dan murah," jelasnya.

Mengambil iktibar kelesuan Perkampungan Buku di Langkawi, Syairoz menyatakan kuasa pembacaan dijangka meningkat dengan adanya penerbit berani mengeluarkan buku berkualiti di samping harga berpatutan.

